



KENYATAAN MEDIA

PEMANJANGAN TEMPOH PENGECUALIAN SUMBANGAN IBU BAPA/PENJAGA DI TABIKA PERPADUAN & TASKA GENIUS PERPADUAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SEHINGGA BULAN DISEMBER 2020

12 Ogos 2020 – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique mengumumkan bahawa **tempoh pengecualian sumbangan di Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Genius Perpaduan (TGP) seluruh negara dipanjangkan lagi bermula bulan Julai 2020 hingga bulan Disember 2020**. Pemanjangan tempoh pengecualian caj bayaran ini akan melibatkan **seramai 38,749 murid di 1,781 TP dan 947 orang kanak-kanak di 41 TGP**.

2. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique turut memaklumkan bahawa keputusan ini diambil bagi meringankan beban kewangan ibu bapa/penjaga murid dan kanak-kanak di TP dan TGP yang masih terjejas berikutan daripada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat wabak COVID-19 yang lepas.

3. Pada 19 Mac 2020 yang lalu YB Menteri Perpaduan Negara telah mengumumkan pengecualian sumbangan ibu bapa/penjaga bagi tempoh Mac 2020 hingga Jun 2020.



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

4. Kementerian Perpaduan Negara menasihatkan semua pihak yang terbabit di dalam operasi TP dan TGP, ibu bapa/penjaga dan semua anak-anak secara amnya agar mengikut SOP dan mengamalkan normal baharu kawalan sendiri seperti penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan sanitasi bagi menghentikan penularan wabak COVID-19 ini.

Kementerian Perpaduan Negara

12 Ogos 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (18)